

Bush lakukan pembohongan besar — PM

UM 26 OCT 2003

KUALA LUMPUR 25 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush melakukan pembohongan besar apabila mengaku telah mengkritik Perdana Menteri ketika Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bangkok baru-baru ini.

Tegas Dr. Mahathir, jika benar Bush mencelanya pada waktu itu, sudah pasti beliau juga akan membalas perbuatan tersebut.

“Itu adalah pembohongan terbesar, jika Bush cela saya (waktu itu), saya cukup pasti akan bertindak balas dengan cara biasa saya... saya mungkin akan cela dia,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini hari ini sekembalinya dari lawatan kerja ke Indonesia, Timor Leste dan Papua New Guinea.

Dr. Mahathir diminta mengulas kenyataan Bush semasa melawat Indonesia Rabu lepas, yang mengaku telah mengkritik Dr. Mahathir semasa kedua-dua pemimpin itu bertemu pada sidang kemuncak itu.

Perdana Menteri berkata, menjadi kebiasaan bagi orang yang berbohong mengenai kewujudan senjata pemusnah besar-besaran dan melancarkan perang, untuk turut berbohong mengenai apa yang dikatakan kepada beliau.

“Apa yang saya ingat ketika itu, Bush menarik saya ke tepi bagi menjelaskan sebab beliau (Bush) membuat kenyataan keras terhadap saya... dan kenyataan selepas (di Indonesia) itu saya fikir adalah sebagai sokongan kepada pegawainya (Scott McClellan),” katanya.

Selasa lepas, Dr. Mahathir menafikan kenyataan jurucakap itu, McClellan bahawa Bush mencelanya berikutan ucapan beliau mengenai Yahudi pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Sebelum itu, laporan agensi berita asing yang memetik McClellan berkata ketika mesyuarat itu: “Presiden menarik Mahathir ke tepi dan memberitahu apa yang Mahathir cakap adalah salah dan boleh memecah-belahkan. Kenyataan Mahathir itu betul-betul bercanggah dengan pendirian Bush.”

Ia juga menyebut Bush mengutuk kenyataan Dr. Mahathir berhubung Yahudi menguasai dunia sebagai patut dikutuk dan dikeji.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berpendapat insiden tersebut sebagai isu kecil dan menganggap pandangannya yang disampaikan di APEC adalah lebih penting.

“Yang penting pandangan saya yang membabitkan kita (Malaysia) disampaikan dan saya yakin Cancun (Mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia) tidak gagal sepenuhnya,” jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr. Mahathir memberi amaran bahawa Malaysia tidak akan berdiam diri dengan ugutan pelobi Yahudi supaya penduduk dunia jangan melancong dan membuat pelaburan di negara ini.

“Kita tidak akan membiarkan keadaan itu, Yahudi kononnya bangsa yang tidak boleh dikritik sedangkan dalam masa yang sama mereka menuduh umat Islam dan mencela Nabi Muhammad sebagai pengganas tetapi tidak diprotes oleh Kesatuan Eropah,” katanya.

Jelasnya, adalah benar Yahudi menguasai dunia melalui proksi dan usaha untuk menghentikan pelaburan ke Malaysia adalah langkah yang mereka sedang usahakan.

Mengenai pelaburan dan pasaran saham, Dr. Mahathir berkata, beliau yakin pelabur akan terus melabur seperti biasa di negara ini kerana mereka mengetahui keuntungan yang mereka perolehi.

“Tapi saya tak nafikan mungkin akan terjejas sedikit,” tambahnya.